

# Rahmatan Lil 'Alamin: Kerangka Konsep Keharmonian Di Malaysia

## Rahmatan Lil 'Alamin: Conceptual Framework Of Harmony In Malaysia

Mohd Nazmi Mohd Khalli<sup>1</sup>, Suraya Sintang<sup>2</sup>, Syamsul Azizul Marinsah<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Sabah

### Article progress

Accepted: 23 Januari 2020

Reviewed: 9 Februari 2020

Published: 30 November 2020

\*Corresponding author:

Mohd Nazmi Mohd Khalli,  
Pusat Penataran Ilmu dan  
Bahasa,  
Universiti Malaysia Sabah,  
Kota Kinabalu, Sabah  
Email:  
nazmikhalli.nk@gmail.com

**Abstrak:** Sensitiviti agama seringkali menjadi cabaran utama dalam mencapai sebuah keharmonian negara. Apatah lagi seringkali dipaparkan melalui media berlakunya ekstrimis dan kesalahfahaman antara agama mahupun bangsa yang kemudiannya memberi satu impak prasangka dan prejudis antara masyarakat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membawa satu pencerahan melalui konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* sebagai platform yang digunakan untuk merangka keharmonian dalam kepelbagaian masyarakat di Malaysia. Melalui konsep dan gagasan *Rahmatan Lil 'Alamin* ini bukanlah suatu yang baru diketengahkan malah ia telah lama diamalkan. Metode kajian ini adalah berdasarkan analisis kandungan teks (*content analysis*) yang diolah daripada perspektif Islam, historis dan falsafah bagi menjelaskan kerangka konseptual keharmonian yang dibina daripada gagasan *Rahmatan Lil 'Alamin*. Berdasarkan kajian ini, hubungan masyarakat Malaysia masih terkawal walau banyak cabarannya dalam mengecapi keharmonian tersebut. Hal ini kerana sikap toleransi sesama masyarakat masih diketengahkan sebagaimana konsep *Rahmatan Lil 'Alamin*. Jangkaa kajian akan menghasilkan satu kerangka konseptual keharmonian dalam konteks Malaysia yang diperincikan daripada perbincangan tentang gagasan *Rahmatan Lil 'Alamin* daripada pelbagai perspektif dan amalannya di Malaysia. Dengan adanya kajian ini, hubungkait antara keharmonian dan *Rahmatan Lil 'Alamin* dapat dihasilkan yang boleh diguna pakai sebagai satu dasar kerajaan demi melestarikan masyarakat plural yang harmoni di Malaysia.

**Kata kunci:** Sensitiviti agama, kesalahfahaman, *Rahmatan Lil 'Alamin*, keharmonian, kepelbagaian.

**Abstract:** Religious sensitivity is often the main challenge for national harmony to be achieved. So its often displayed on the extremism and misunderstanding of religion in the media that harms society such as prejudice. This study seeks to bring enlightenment through the concept of *Rahmatan Lil 'Alamin* as a platform used to achieve harmony in Malaysia's pluralistic society. With the *Rahmatan Lil 'Alamin* concept, it is not something that is newly adopted but has been practiced for a long time. This study's method is based on the content analysis conducted out through Islamic, historical, and philosophical perspectives to explain the conceptual framework of harmony based on *Rahmatan Lil'Alamin's* concept. According to this study, despite the challenges of achieving harmony, the relationship of society in Malaysia is still under control. This is because the Community's attitude of tolerance is always reflected in the *Rahmatan Lil 'Alamin* concept. The study aims to develop a conceptual framework of harmony in the Malaysian context that is highlighted in Malaysia's debate on the idea of spirituality from various views and practices. The relationship between harmony and *Rahmatan Lil 'Alamin* can be used with this study as a government policy to preserve a harmonious pluralist society in Malaysia.

**Keywords:** Religious sensitivity, misunderstanding, *Rahmatan Lil 'Alamin*, harmony, diversity

## Pengenalan

Usaha memupuk keharmonian merupakan inisiatif berterusan yang sering dilaungkan pemimpin negara bagi menjamin kestabilan sosial dan keselamatan negara. Pelbagai slogan, dasar dan gagasan dilaksanakan bagi menjamin keharmonian dan seringkali berubah mengikut kepimpinan negara. Antaranya ialah penerapan nilai-nilai Islam, Islam Hadhari, *al-Wasatiyyah* dan 1Malaysia yang kesemuanya bermatlamat menyatupadukan masyarakat pelbagai etnik dan agama. Kini, gagasan *Rahmatan Lil 'Alamin* diketengahkan sebagai dasar baru terhadap pentadbiran negara. *Rahmatan Lil 'Alamin* bertujuan mempromosi nilai dan prinsip Islam yang bersifat universal dalam menyebarkan dasar negara berkeadilan dan harmonis dalam pelbagai aspek kehidupan. Gagasan ini merupakan tindakbalas terhadap isu global yang berlaku seperti Radicalism, Islamophobia dan Xenophobia yang menggugat kredibiliti Islam di mata dunia.

Keharmonian merupakan citra kehidupan masyarakat Malaysia dan nikmat keharmonian ini dikecapi di setiap negeri dalam semua lapisan peringkat masyarakat. Kajian awal menunjukkan elemen keharmonian ini dipengaruhi sikap positif dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. Kajian kuantitatif mengenai indikator keharmonian sosio-agama yang dijalankan Atifah Ahmad Yusoff *et al.* (2018) menunjukkan sikap saling menghormati merupakan prinsip utama dalam menjaga keharmonian agama di Malaysia. Kajian Nur Farhana Abdul Rahman *et al.* (2013) turut menjelaskan toleransi yang dipupuk melalui kerjasama antara masyarakat pelbagai merupakan nilai murni yang berupaya merangsang hubungan positif antara penganut agama berbeza. Usaha menjaga keharmonian ini terus diperkukuh menerusi pendekatan *Rahmatan Lil 'Alamin* sebagai salah satu dasar kerajaan memurnikan permasalahan yang berkaitan hubungan antara agama dan etnik serta mengekalkan keharmonian hidup bersama dalam masyarakat majmuk.

Berdasarkan premis ini, artikel ini bertujuan membincangkan kerangka keharmonian negara berdasarkan gagasan *Rahmatan Lil 'Alamin* yang digarap daripada perspektif Islam berasaskan prinsip al-Quran dan pengalaman sejarah Islam dalam mengurus tadbir masyarakat pelbagai agama. Penulisan ini diolah berdasarkan metode kandungan analisis (*text content analysis*) yang diolah daripada sorotan literatur. Kajian ini diharapkan dapat memperjelaskan konsep keharmonian berpandukan gagasan *Rahmatan Lil 'Alamin* yang diaplikasikan dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia.

## Rahmatan Lil 'Alamin Menurut Perpsektif Al-Qur'an

Frasa *Rahmatan lil 'Alamin* ataupun *Mercy to all* boleh diungkapkan dalam bahasa Melayu sebagai “kasih sayang kepada seluruh alam”. Terminologi Quranik ini dinyatakan dalam Surah al-Anbiya': 107, “*Dan tiadalah Kami mengutus kamu (Muhammad SAW), melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam*”. Ayat ini menggambarkan bahawa pengutusan Nabi Muhammad SAW sebagai rasul pilihan yang terakhir merujuk kepada rahmah sekalian alam. Ia tidak hanya merujuk kepada umat Islam sahaja, akan tetapi yang dimaksudkan *lil 'alamin* dalam konteks ayat tersebut merujuk kepada keseluruhan kehidupan, termasuklah manusia, haiwan, tumbuhan dan alam semesta. Rasulullah SAW diutuskan dengan membawa ajaran yang mengandungi kemaslahatan di dunia dan di akhirat yakni membimbing keseluruhan manusia kepada jalan yang sebenar. Menurut tafsiran Ahmad Mustafa al-Maraghi, utusan Rasulullah dalam kehidupan manusia sebagai pembawa undang-undang kehidupan kepada manusia bukan sahaja di dunia malahan di akhirat kelak.

Quraish Shihab mengklasifikasikan setiap perkataan ayat tersebut kepada empat pecahan; i) Rasul atau utusan Allah dalam hal ini Nabi Muhammad SAW, ii) pengutus baginda dalam hal ini Allah, iii) Yang diutus kepada mereka (*al-'Alamin*) serta iv) Risalah (*al-Qur'an*). Hal ini menjelaskan bahawa ayat ini diturunkan oleh Allah SWT sebagai petunjuk bahawa Islam itu adalah rahmah, penurunan kitab suci al-Qur'an juga adalah rahmah malahan pengutusan Nabi Muhammad SAW juga adalah rahmah buat sekalian alam. Secara harfiahnya ayat di atas jelas menunjukkan bahawa ‘kamu’ yakni merujuk kepada ‘Nabi Muhammad SAW’ sebagai rahmah Allah yang diutuskan kemudian diinterpretasikan oleh Baginda sendiri melalui ucapan dan tingkah laku bertepatan keperibadian dan akhlaknya sebagai gambaran al-Qur'an itu sendiri. Hal ini dikuatkan lagi dengan hadith Rasulullah yang diungkapkan sendiri olehnya dalam sebuah hadith yang disampaikan oleh Salman yang bermaksud:

“*Sesungguhnya aku juga diutuskan adalah rahmah buat sekalian alam*”.

Sementara itu, Ibn Kathir pula mentafsirkan dalil al-Qur'an ini sesungguhnya perutusan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul Allah sebagai rahmah kepada sekalian alam yang perlu diyakini dan ditaati dan akan menerima balasan jika mengingkarinya. Ibn Abbas juga menegaskan Allah mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai pembawa rahmah kehidupan, akan tetapi mereka yang tidak mentaati apa yang diperintahkan, ia akan memberi kesan kepada keseluruhan manusia kerana

keingkaran umat yang enggan menuruti-Nya sebagaimana balasan yang ditimpa oleh umat terdahulu. Penerimaan Rasulullah SAW sebagai pembawa rahmah merupakan satu perintah daripada Allah SWT yang wajib diyakini. Keyakinan itu pula dizahirkan melalui ketaatan kepada perintah dan larangan yang disampaikan oleh Baginda, dan akan mendapat balasan kepada mereka yang ingkar terhadapnya.

Merujuk kepada konteks perkataan rahmah dan *Lil 'Alamin* dalam al-Qur'an merupakan satu keterikatan yang saling berkait yang membawa kepada kesatuan menerusi kepelbagaian kehidupan yang tidak boleh dipisahkan. Ini merupakan pandangan umum terhadap penafsiran para ahli tafsir dalam menjelaskan tafsiran ayat ini. Mereka juga bersependapat bahawa Rasulullah SAW sebagai pembawa rahmah kehidupan. Oleh itu, Allah adalah sebagai pemberi dan pencipta rahmah, Rasulullah pula merupakan simbol rahmah yang diutuskan, manakala al-Qur'an panduan rahmah dalam kehidupan manusia disusuli Islam sebagai jalan rahmah yang mencakupi keseluruhan aspek kehidupan dunia dan akhirat.

Perkataan rahmah adalah masdar daripada perkataan *rahima-yarhamu-rahmah* (رحم-يرحم-رحمة) yang bermaksud kasih sayang. Ibnu Faris dalam *Al Maqayis* menyebutkan bahawa; kata yang terdiri dari huruf *ra*, *ha*, dan *mim* ini pada dasarnya menunjuk kepada kelembutan hati, belas kasih, dan kehalusan. Daripada akar kata ini lahir kata *rahima*, yang bermaksud ikatan darah, persaudaraan, atau hubungan kerabat. Penamaan rahim pada peranakan perempuan kerana darinya terlahir anak yang akan menerima limpahan kasih sayang dan kelembutan hati. Dalam al-Qur'an menerusi ayat 107 Surah al-Anbiya' tersebut, merujuk Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW merupakan rahmah kepada sekalian alam. Namun, menerusi perkataan rahmah dalam al-Qur'an telah diulang sebanyak 173 yang berbagai *ishtiqaq*. Setiap pemaknaan rahmah membawa kesesuaian mengikut lafaz ayat itu sendiri. Antaranya:

1. Al-Qur'an Surah Hud 11:43

Bermaksud: "*Anaknya menjawab: "Aku akan mencari perlindungan ke gunung yang dapat memeliharaku dari air bah!" Nuh berkata: "Tidak ada yang melindungi hari ini dari azab Allah selain Allah (saja) yang Maha Penyayang". Dan gelombang menjadi penghalang antara keduanya; maka jadilah anak itu termasuk orang-orang yang ditenggelamkan.*"

2. Al-Qur'an Surah Hud 11:119

Bermaksud: "*Kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Rabbmu. Dan untuk itulah Allah menciptakan mereka. Kalimat*

*Rabbmu (keputusanNya) telah ditetapkan: sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahanam dengan jin dan manusia (yang derhaka) semuanya".*

3. Al-Qur'an Surah Yusuf 12:53

Bermaksud: "*Dan aku tidak membebaskan diriku (dari kesalahanku), kerana sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahatan, kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Rabbku. Sesungguhnya Rabbku Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*"

4. Al-Qur'an Surah Ad-Dukhan 44:42

Bermaksud: "*Kecuali orang yang diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Dialah yang Maha Perkasa lagi Maha Penyayang.*"

Menurut Alif Hendra (2016) pula mengklasifikasikan perkataan rahmah kepada empat bahagian iaitu:

i) Mu'minin dalam Al-Qur'an surat Al-Nisa' 4: 175

Bermaksud: "*Adapun orang-orang yang beriman kepada Allah dan berpegang kepada (agama)-Nya, niscaya Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat yang besar dari-Nya (surga) dan limpahan karunia-Nya. Dan menunjuki mereka kepada jalan yang lurus (untuk sampai) kepadaNya.*"

ii) Muhsinin dalam Al-Qur'an surat Luqman 31: 3

Bermaksud: "*Menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang berbuat kebaikan.*"

iii) Yuqinun atau muqinun dalam surat al - Jatsiyah 45: 20

Bermaksud: "*Al Qur'an ini adalah pedoman bagi manusia, petunjuk dan rahmat bagi kaum yang meyakini.*"

iv) 'Alamin dalam surat al - Anbiya' 21: 107

Bermaksud: "*Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.*"

Melalui perkataan rahmah yang dikaji dan dianalisis setiap pengkaji itu berbeza berdasarkan

perspektif kefahaman dan kehendak penulisan. Namun, masih mengekalkan konteks yang sama berdasarkan tafsiran ulama tafsir terdahulu. Manakala setiap perkataan rahmah dalam al-Qur'an berbeza mengikut konteks ayat yang disampaikan, namun ia masih berakarkan kepada maksud kelembutan dan kasih sayang. Secara keseluruhannya, konsep rahmah menggambarkan Islam sebagai agama yang menekankan kasih sayang kepada seluruh alam tanpa batas kepada manusia semata-mata tetapi juga mencakupi kasih sayang kepada seluruh cakerawala, kasih sayang dalam hubungan antara pelbagai manusia tanpa mengira agama dan bangsa serta kasih sayang dalam konteks manusia dengan alam semulajadi.

### **Pengaplikasian *Rahmatan Lil 'Alamin* Dalam Sejarah Islam**

Sejarah Islam telah banyak membuktikan gagasan *Rahmatan Lil 'Alamin* ataupun perjuangan rahmah ini diaplikasi melalui bermacam aspek kehidupan samada melalui peperangan, pentadbiran, mahupun kelangsungan hidup bermasyarakat. Penjelasan al-Qur'an yang dinyatakan di atas turut menyarankan agar manusia menyebarkan rahmah dengan tidak melakukan sebarang tindak balas berbentuk keganasan, penindasan dan kekerasan kepada pihak lawan, namun, bukan menidakkan balasan dan tindakan susulan daripada pihak lawan yang memberi reaksi negatif seperti jihad dalam peperangan, maka itu diharuskan dalam Islam.

Melalui kronologi sejarah Islam, bermulanya pengutusan Nabi Muhammad SAW sebagai *the Seal of the Propohet* dan juga sebagai pejuang hakiki rahmah sangat memberi impak besar dalam dunia Islam hari ini. Pengaplikasian rahmah dalam segenap aspek kehidupan dapat dilihat pada peringkat awal perkembangan Islam bermula pada zaman Rasulullah SAW, kemudian diteruskan para sahabat dan para tabi' tabi'in. Tambahan, kemunculan Islam sebagai pentadbir di sebahagian negara Eropah juga membawa gagasan yang sama. Kesungguhan para pejuang rahmah demi menjaga kesucian agama Islam telah membuahkan hasil dan kesan berpanjangan sehingga ke hari ini.

Realiti gagasan ini pada zaman Rasulullah dapat dilihat melalui praktikal Baginda sepanjang kehidupannya, malahan lebih jelas lagi sewaktu Baginda dilantik sebagai ketua negara pada ketika itu. Antaranya, Rasulullah menyatupadukan masyarakat yang pelbagai melalui penggubalan Piagam Madinah. Baginda begitu menekankan betapa pentingnya perpaduan ini dijadikan nilai persamaan kerana bermula daripada perpaduan yang baik dapat menghasilkan pembangunan yang baik dalam sesebuah negara. Baginda menggubal perlembagaan tersebut yang melibatkan pelbagai aspek

mencakupi politik, agama, ekonomi, sosial, perundangan dan pertahanan malahan kedudukan Yahudi juga diberi jaminan keselamatan selagi mereka mematuhi Piagam Madinah. Sebagaimana juga persaudaran terjalin antara suku Aus dan Khazraj yang dahulunya bermusuhan, berperang dan hasad dengki di antara mereka telah berubah kepada kasih dan cinta dengan izin Allah SWT. Penggubalan Piagam Madinah dicipta dengan berasaskan prinsip keadilan, toleransi, hormat serta kasih sayang. Titik permulaan rahmah itu telah ditunjukkan melalui pentadbiran sejarah Nabi Muhammad SAW dalam usaha menyatupadukan masyarakat dalam satu komuniti untuk sebuah keharmonian dan kesejahteraan. Oleh yang demikian, Nabi Muhammad SAW merupakan perintis rahmah terhadap kepelbagaian masyarakat dan kehidupan.

Sementara itu, pada zaman para sahabat pula yakni sewaktu pentadbiran khalifah, agenda rahmah masih diangkat sebagai formula pentadbiran dalam meneruskan legasi Rasulullah SAW. Satu contoh yang jelas dapat disaksikan pada zaman pentadbiran Saidina Umar Al-Khattab sewaktu pembukaan *Bayt al-Maqdis* (Baitul Maqdis). Dinyatakan dalam tafsir al-Tabari menerusi teks Saidina Umar yang telah memberi jaminan keselamatan dan keamanan kepada penduduk bukan Islam:

Bermaksud: *"Beliau telah mengurniakan mereka satu jaminan keamanan untuk kehidupan dan harta benda mereka, gereja-gereja dan salib-salib mereka; yang sakit dan sihat (kepada semua orang tanpa pengecualian); dan untuk seluruh komuniti agamanya. Gereja-gereja mereka tidak akan didiami (diambil alih) atau dimusnahkan oleh kaum Muslimin. Diridiri mereka, tanah yang mereka diami, salib dan harta benda mereka tidak akan diceroboh atau dirampas. Penduduk tidak akan dipaksa (yukrahūna) dalam beragama, atau dianiaya. Tiada Yahudi dibenarkan mendiami Aelia bersama mereka."*

Potongan teks ini menjelaskan konsep rahmah yang diamalkan oleh Saidina Umar yang memberi jaminan keharmonian dan keselamatan kepada semua penduduk tanpa mengira agama. Amalan rahmah ini berlanjutan pada zaman pemerintahan Islam di Andalusia yang dapat dilihat sebagai satu pemerintahan yang mementingkan kecemerlangan ketamadunan dari sudut ilmu, sosial dan hubungan antara masyarakat. Pada zaman pemerintahan Bani Umayyah di Andalusia di bawah pemerintahan Abdul Rahman al-Dakhil, beliau berjaya membentuk satu masyarakat yang dinamis dan

harmonis dalam pelbagai latar belakang penduduknya. Zaman kegemilangan (*golden age*) Andalusia tidak menafikan masyarakat Yahudi untuk bebas mengamalkan budaya dan melaksanakan aktiviti perekonomian tanpa sekatan. Sementara itu di Sicily Italy, pentadbiran Islam pada ketika itu juga tidak kurang seperti di Andalusia, kedatangan Islam telah memberi kesan dalam pelbagai aspek budaya, agama dan dunia sains. Dikatakan Sicily telah mencapai zaman kegemilangan di mana penganut Islam dan Kristian menjadi satu entiti yang pernah bersatu untuk mewujudkan beberapa tamadun terbesar dunia.

Fahimeh Naseri (2014) menyatakan penyebaran awal Islam di Eropah adalah berdasarkan ketoleransian pendakwah pada ketika itu kepada beberapa negara seperti Sepanyol, Semenanjung Iberian dan Andalusia. Perkara yang bernilai dalam catatan sejarah Islam di Eropah bukan dilihat dari sudut bagaimana keadaan dan situasi sewaktu pentadbiran para pemimpin dan pendakwah, baik dalam peperangan mahupun kerjasama bersama antara pelbagai masyarakat. Akan tetapi yang menjadi kayu ukur adalah formula rahmah Rasulullah SAW yang diguna pakai dalam mensasarkan tujuan Islam *Rahmatan Lil 'Alamin*.

Terdapat banyak lagi kisah sejarah yang telah dicatatkan dan diperakui sendiri oleh ahli sejarawan terhadap pembawaan rahmah sebagai formula perjuangan dan gerakan Islam di dunia. Pengkaji melihat dan menilai bukan sekadar pensejarahan yang berlaku pada masa lampau, namun menjadi keutamaan umat Islam apatah lagi dalam urus tadbir negara untuk mengambil ibrah rahmah sebagai formula kehidupan dan perkara inilah yang cuba diterapkan dalam urus tadbir negara kita pada masa kini.

## Gagasan *Rahmatan Lil 'Alamin* Dalam Konteks Malaysia

Menelusuri gagasan terdahulu, pentadbiran negara sentiasa meletakkan pendekatan yang bermatlamatkan mensejahterakan negara melalui nilai-nilai Islam sebagai dasar yang relevan dalam membangunkan masyarakat yang seimbang dan lebih membina dan konstruktif. Melalui konsep 1Malaysia pula diperkenalkan pendekatan *al-Wasatiyyah* dalam menyeimbangi masyarakat dari berpendirian ekstrem dan liberal. Namun demikian, gagasan negara dalam Malaysia Baharu, *Rahmatan Lil 'Alamin*, masih mengekalkan pendekatan terdahulu, akan tetapi dilihat dari konteks *worldview* terhadap agama Islam (*global challenges*) yang bersendikan Maqasid Syariah (Dr. Mujahid, 2019). Pendekatan ini lebih mencirikan kelembutan dan kasih sayang yang ditonjolkan dalam

mendepani pembangunan negara, apatah lagi terhadap cabaran yang berlaku dalam negara yang semakin membimbangkan dan lebih kompleks kerana melibatkan isu agama, bahasa, dan ekonomi seperti budaya LGBT, mencabar perlembagaan malah mempertikai kedudukan status Islam sebagai agama persekutuan.

Oleh yang demikian, usaha dalam memartabatkan gagasan *Rahmatan Lil 'Alamin* bukan mudah untuk dijalankan tanpa jihad dan tulang belakang daripada masyarakat Malaysia. Namun, secara zahirnya tidak mustahil untuk masyarakat bersatu berdasarkan hubungan antara masyarakat Malaysia yang masih pada tahap terkawal. Hal ini kerana terdapat elemen-elemen rahmah yang diamalkan tanpa sedar menjadi pendorong kebersamaan antara masyarakat itu dapat dikekalkan sehingga ke hari ini. Ahmad Sanusi Azmi dan Mohd Yusuf Ismail (2018), menyatakan antara justifikasi Dr Mujahid menggunakan prinsip ini bertujuan menangani permasalahan yang berlaku dalam negara seperti LGBT dan ekstrimis agama. Oleh itu, meski keharmonian telah wujud dan dirasai semenjak kemerdekaan lagi, akan tetapi, pembawaan *Rahmatan Lil 'Alamin* merupakan aspirasi negara dalam mempromosikan Islam *Rahmatan Lil 'Alamin* malahan satu keperluan untuk mengintegrasikan masyarakat negara yang pelbagai budaya dan agama.

Dengan itu dapat dijelaskan bahawa dalam usaha negara memperluaskan gagasan baharu ini, bukan bermaksud ia baru untuk dipraktikkan oleh masyarakat berdasarkan elemen-elemen rahmah yang terkandung. Secara dasarnya ianya telah sekian lama disemai dan sehati dalam jiwa warga Malaysia, namun perlu diperhalusi dan dimantapkan lagi dari sudut kefahaman masyarakat bahawa Islam menerapkan rahmah dalam menyulami kepelbagaian budaya apatah lagi dalam menangani sebarang permasalahan yang berlaku. Antara elemen rahmah di Malaysia yang dapat dilihat dan telah diaplikasikan seperti melalui perundangan negara, menangani gejala sosial, dan kesepaduan sosial dalam masyarakat majmuk.

### a. Rahmah dalam Perundangan

Kewibawaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam tidak pernah menafikan kehidupan masyarakat majmuk. Nilai yang terkandung dalam ajaran Islam untuk bersikap tasammuh dan bertoleransi kepada penganut lain merupakan antara elemen rahmah yang terkandung. Pembuktian ini jelas sekali dapat dilihat dan dirujuk melalui Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam Perkara 11 (1): "*tiap-tiap orang adalah berhak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan agamanya*". Jaminan kebebasan beragama telah diberikan kepada penganut agama Islam dan bukan Islam. Namun,

tertakluk kepada syarat bahawa tidak boleh melakukan sebarang bentuk tindakan penyebaran mana-mana ajaran agama terhadap umat Islam. Dalam Perkara 11 (1) dirujuk bahawa kebebasan beragama (*religious freedom*) adalah perkara yang sudah lama dipraktik melalui Piagam Madinah dalam Fasal 25: “*bagi Yahudi agama mereka dan bagi orang-orang Islam agama mereka*”. Bertepatan dengan dalil al-Qur’an surah al-Kafirun, 109: 6, bermaksud; “*bagi kamu agama kamu, dan bagi aku agamaku*”. Oleh itu, setiap penduduk di Malaysia sebenarnya berhak untuk menganut apa-apa agama yang disukainya tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan. Namun, bagi penganut agama Islam khususnya, mereka masih tertakluk di bawah beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang menghalang mereka untuk menganut agama lain atau keluar Islam atau dengan kata lain, murtad.

Perkara ini berkesinambungan pula dalam Perkara 12 (2); “*Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi untuk pendidikan kanak-kanak serta mengadakan di dalamnya ajaran-ajaran dalam agama kumpulan itu sendiri, dan tidaklah boleh ada diskriminasi semata-mata atas alasan agama dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu, tetapi undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri boleh mengadakan bantuan kewangan khas untuk menubuhkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau untuk ajaran-ajaran dalam agama Islam bagi orang yang menganuti agama itu.*” Jaminan kebebasan bukan sahaja diberikan hanya dari sudut anutan dan kepercayaan, akan tetapi peruntukan beragama juga diberikan untuk membangunkan samada institusi keagamaan, sekolah mahupun tempat ibadah mereka di sekitar tempat yang bersesuaian.

Secara jelasnya, Islam telah memberi kesan terhadap pembentukan negara Malaysia ke arah negara yang mementingkan aspek rahmah dalam menyatakan kebersamaan antara masyarakat yang berbilang agama atas faktor perpaduan negara. Betapa Islam sangat berlapang dada dan bersikap terbuka untuk saling hidup bersama dalam hidup berkomuniti. Piagam Madinah dirujuk sebagai contoh jelas kepada peradaban dunia yang berpanjangan, bagaimana Rasulullah SAW mendekati masyarakat ketika itu untuk tinggal di bawah bumbung yang sama. Di Malaysia pula, lihat sahaja peruntukan kebebasan beragama bagi agama-agama lain yang diberikan khusus dalam Perlembagaan Persekutuan. Hak kebebasan mengamalkan kepercayaan agama masing-masing secara tidak langsung menunjukkan nilai rahmah yang diperuntukan ke atas agama lain.

## b. Rahmah dalam Menangani Gejala Sosial

Gejala sosial dalam negara memperlihatkan bermacam ragam reaksi dan respon masyarakat yang melibatkan pelbagai pihak sehingga menggugat keharmonian negara. Tercetusnya konflik dan polemik negara adalah berdasarkan rentetan permasalahan yang terkait dengan isu agama, politik, ekonomi dan sosial masyarakat. Berdasarkan senario negara Malaysia, Mohd Anuar Ramli *et al.* (2018), menyenaraikan gejala yang berlaku dalam negara adalah berdasarkan peralihan kuasa pentadbiran negara sebelum PRU14 dan pasca PRU14. Khairul Azhar Meerangani (2016) pula menjelaskan pasca PRU ke-12 pada tahun 2008 memperlihatkan berlakunya perubahan drastik dalam komposisi penguasaan politik yang menyebabkan timbulnya keberanian sebahagian pihak untuk mula mempersoalkan peruntukan dan tuntutan tertentu. Fenomena yang sama berlaku setelah PRU 14 apabila beberapa tuntutan dilihat menekankan diplomasi syariat. Hal ini ditegaskan oleh Dr. Mujahid bahawa permasalahan sebegini seharusnya diselesaikan berdasarkan pendekatan *Rahmatan Lil ‘Alamin*, terutamanya dalam menangani isu yang berkaitan dengan perkara berikut, antaranya:

### i. Isu LGBT

Dr. Mujahid memberi penegasan kepada masyarakat untuk tidak mendiskriminasikan golongan LGBT kerana mereka adalah satu realiti yang tidak boleh dielakkan dan masyarakat kini hidup bersama-sama mereka. Namun, beliau juga memberi ketegasan kepada golongan ini, “*kerajaan amat tegas bahawa amalan LGBT tidak akan diterima sama sekali di negara ini dan mana mungkin, kita mengiktiraf suatu perbuatan yang salah di sisi undang-undang*”. Dalam bertolak ansur, beliau juga tetap bertegas kepada golongan ini. Hal ini bertepatan dengan hadith Nabi Muhammad terhadap pendirian Baginda kepada golongan ini.

Maksudnya: “*Allah melaknat mereka yang melakukan perbuatan kaum Lut*”

Menurut al-Imam Ibn al-Qayyim, Rasulullah tidak pernah melaknat pelaku dosa besar sebanyak tiga kali berturut-turut seperti yang dilakukan kepada pelaku homoseksual ini. Di sini jelas menampakkan ketegasan Baginda dalam menangani permasalahan ini. Oleh itu, pendirian ini sedikit pun tidak lari dari konsep rahmatan lil alamin kerana telah dijelaskan sebelum ini bahawa rahmah tidak hanya tertumpu pada belas kasih, bahkan ketegasan juga adalah suatu rahmat.

## ii. Isu Keganasan

Isu ini pernah menghangatkan sebahagian besar umat Islam Malaysia apabila Dr Ramasamy telah membuat kenyataan media yang berbaur fitnah, iri hati, jahat dan hasad dengki. Sebelum itu pada 10 April 2016, Ramasamy menyifatkan Zakir Naik sebagai “*Satan*” menerusi Facebook beliau. Pada 12 April, Ramasamy menarik semula kenyataan tersebut dan memohon maaf. Namun, setelah PRU 14, polemik ini dihidupkan semula apabila Ramasamy mencadangkan supaya Zakir Naik dihantar pulang ke India bagi membersihkan tuduhan yang mengaitkan Zakir Naik dengan keganasan. Menempelak dakwaan itu, Dr. Mohd Asri mendakwa bahawa Ramasamy juga adalah pengganas dan mengaitkan penglibatan beliau dengan kumpulan pengganas Tamil antarabangsa, iaitu merujuk kepada pergerakan Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE). Rentetan daripada itu, Dr Mujahid mengaturkan pertemuan bersama mereka berdua dan kemudiannya menyifatkan pertemuan ini sebagai sesuatu yang berasaskan konsep *Rahmatan Lil ‘Alamin*. Sesungguhnya Islam itu mengajak kepada kedamaian bersama tanpa kekerasan. Bertepatan dengan dalil al-Qur’an yang bermaksud, “*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk*”.

## iii. Isu khalwat

Pendekatan yang digunakan oleh Dr. Mujahid berkaitan isu khalwat adalah berdasarkan amal ma’ruf nahi munkar, iaitu mencegah terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan dengan melaporkan kepada pihak agama. Tambahan pula, beliau menasihatkan kepada masyarakat untuk menyelidiki keadaan dan situasi kejadian terlebih dahulu. Tidak ada tindakan yang berunsur keganasan dalam membanteras kerana ianya termaktub dalam bidang kuasa jabatan agama. Pendirian beliau terhadap isu ini adalah untuk menyelidiki terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang tindakan sebagaimana cerminan Islam yang sepatutnya ditonjolkan kepada masyarakat. Rahmah yang ditonjolkan adalah berdasarkan tindakan yang ditujukan kepada pesalah dengan menyelidiki (*tabayyun*), iaitu tidak melakukan kekerasan terhadap permasalahan yang berlaku kerana ia memungkinkan gejala tersebut semakin parah.

Dalam menangani gejala sosial negara, Dr Mujahid sentiasa menekankan kelembutan dalam ketegasan seperti rahmah dalam menyelesaikan

permasalahan yang berlaku. Pengkaji melihat, pendekatan yang diketengahkan oleh Dr Mujahid adalah untuk memperjuangkan rahmah yang mencirikan kewibawaan Islam itu bukan satu agama yang ekstrim sebagaimana yang dilihat dunia pada hari ini.

## c. Rahmah dalam Masyarakat Majmuk

Kesepaduan sosial telah membentuk masyarakat majmuk secara *top-down* (hasil daripada tindakan kerajaan) dan yang disumbangkan secara *bottom-up* iaitu hasil daripada interaksi dan jalinan hubungan yang berlaku di peringkat masyarakat awam dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, secara sedar atau tidak elemen rahmah dalam kalangan masyarakat sudah terbentuk secara tidak langsung. Kelangsungan bibit rahmah itu dilihat melalui konsep keterbukaan sesama masyarakat dalam menjalinkan kelangsungan hidup berkomuniti. Oleh itu, beberapa elemen rahmah yang ditonjolkan secara langsung dalam kalangan rakyat Malaysia. Antaranya;

### i. Amalan Berdialog dan Persefahaman

Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Badawi menyatakan bahawa amalan berdialog dan persefahaman merupakan prasyarat untuk membina hubungan yang adil antara budaya dan peradaban kerana ia membolehkan kita memahami perbezaan dan persamaan. Budaya berdialog telah menjadi amalan tidak hanya pada peringkat golongan elit yang melibatkan pakar-pakar agama dan sarjana berkaitan isu perbezaan antara agama dan sensitiviti agama, tetapi juga melibatkan dialog seharian yang berlaku secara spontan dalam kalangan masyarakat Malaysia di peringkat akar umbi. Oleh itu, sesuai dengan situasi negara Malaysia yang merangkumi masyarakat pelbagai agama dan etnik, hubungan etnik melalui dialog seharian mampu memupuk perpaduan dan toleransi. Untuk mencapai matlamat keharmonian adalah dengan menyatakan hasrat kebersamaan secara berlapang dada dan bekerjasama untuk mengelakkan jurang pertelingkahan dan pergaduhan sesama masyarakat. Dengan itu, persefahaman antara kumpulan etnik dan agama yang berbeza, akan membuka ruang dan peluang sebagai proses rahmah berlangsung dalam kalangan masyarakat majmuk.

### ii. Hidup Kejiranan

JPNIN mendefinisikan jiran sebagai mereka yang tinggal di satu-satu kawasan perumahan atau kampung adalah dianggap jiran misalnya kawasan Kampung Kerinchi, seluruh kampung ini adalah dalam satu kawasan kejiranan (Jabatan Perpaduan Negara, 1987).

Justeru, definisi ini juga boleh diketengahkan dalam konteks masyarakat bandar. Hal ini kerana, bertepatan keadaan mereka yang bersosial antara satu sama lain samada kawasan rumah, pejabat mahupun persekitaran awam. Pertemuan ini akan membawa kepada perkara-perkara yang lebih besar seperti interaksi, kerjasama, *enculturation*, akomodasi, asimilasi, amalgamasi dan lain-lain. Interaksi sosial akan memberi kesan keterbukaan yang mengelakkan sikap kepuakan dan prejudis, malahan sebagai inisiatif untuk menjelaskan kesalahpahaman dan tafsiran yang tidak betul mengenai Islam.

### iii. Kelangsungan Hidup Bersama (*Co-existence*)

Kehidupan masyarakat Malaysia sememangnya saling berkait antara satu sama lain dalam konteks Bangsa Malaysia. Oleh itu, kehidupan seharian masyarakat tidak boleh terlepas untuk berada dalam satu kelompok yang pelbagai. Shamsul Amri Baharuddin (2007), gaya hidup yang harmoni yang diamalkan di negara Malaysia masih berterusan sehingga ke hari ini. Ini disebabkan kelangsungan kebersamaan masyarakat meski mendepani isu kepelbagaian, namun bukan penghalang untuk mereka saling berinteraksi dan bekerjasama secara aman (*peaceful co-existence*). Apatah lagi kebergantungan dalam kelompok keluarga yang melibatkan percampuran kepercayaan (*mixed-faith family*), yang menjana keharmonian dari akar umbi, kemudiannya membentuk persefahaman antara dua pihak yang berlainan agama dalam konteks masyarakat dan negara.

Tuntasnya, rahmah dalam masyarakat sosial sangat jelas dilihat melalui landskap sosial masyarakat Malaysia yang disulami elemen rahmah. Terdapat beberapa lagi elemen-elemen rahmah yang boleh didapati dalam aktiviti perekonomian, politik, interaksi seharian sama ada melibatkan masyarakat di bandar mahupun luar bandar. Asas rahmah itu sudah disemai dalam kalangan masyarakat Malaysia dan implementasi rahmah ini telah sekian lama diamalkan sehingga nilai ini merupakan salah satu penyumbang kepada kesepaduan sosial dan kestabilan negara.

## Kesimpulan

Berdasarkan kupasan di atas, garapan 'rahmah' dalam al-Qur'an, direncami melalui hadith dan pensejarahan Islam memberi pemaknaan yang mendalam dan meluas bahawa Islam itu datang dengan kasih sayang. Sejajar dengan pemaknaan tersebut, negara Malaysia sentiasa berusaha memakmurkan kehidupan masyarakat majmuk dan usaha ini digarap melalui penerapan nilai berkasih sayang kepada seluruh umat manusia berpandukan konsep quranik *Rahmatan Lil*

*'Alamin*. Penerapan nilai rahmah telah sekian lama diamalkan dan elemen-elemen rahmah ini terkandung dalam perlembagaan negara dan interaksi seharian sehingga mewujudkan masyarakat yang saling bekerjasama dan bertoleransi tanpa mengira batas agama dan etnik. Peranan negara dalam membendung sebarang permasalahan yang berdasarkan keadilan, maka rahmah terhadap permasalahan tersebut adalah tidak menggunakan kekerasan. Rentetan itu, Dr Mujahid berusaha mengetengahkan gagasan *Rahmatan Lil 'Alamin* sebagai pendekatan negara yang mempromosikan wajah Islam tulen dalam menepis prasangka dan prejudis masyarakat dunia. Oleh yang demikian, gagasan ini merupakan rentetan gagasan negara sebelumnya yang kemudiannya digilap berdasarkan konteks kontemporari.

## Penghargaan

Penyelidikan ini disokong sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundemental (FRG0527-1/2019).

## Rujukan

- Abdullah Badawi. 2005. *Dialog Peradaban Wahana negara Persefahaman Dalam Dialog Peradaban: Peranan Dan Kepentingannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, UM.
- Al Masud, A., & Elius, M. (2016). The Quranic View of Interreligious Dialogue and Harmony. *International Journal of Recent Research in Social Sciences and Humanities*, 3(1): 18-21.
- Abi al-Husain Ahmad Ibnu Faris bin Zakaria. T.t. *Maqayis al-Lughah*. Jilid 2, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad ibn Hanbal. 2001. *Musnad*. Muassasah al-Risalah.
- Azmi, A. S., & Ismail, M. Y. 2018. Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi Di Malaysia. *Journal of Hadith Studies*, 3(1): 2.
- Ahmad Thomson & Muhamaad 'Ata'ur-Rahim. 2004. *Islam in Andalus*, London: TaHa Publishers Ltd.
- Ahmad Mustafa al-Maraghy. T.t *Tafsir al-Maraghy*, Juz XVII, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tabari, Muhammad ibn Jarir. 2000. *Jami' Al-Bayan*. Muassasah Al-Risalah.
- Alif Hendra Hidayatullah. 2016. *Konsep Rahmah Dalam Al Qur'an (Studi Komparatif Menurut Mutawalli Sha'rawi dalam Tafsir Al - Sha'rawi dan Quraish Shihab dalam Tafsir Al-Misbah)*, Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Amin Ali al-Sayyid. 1971. *Fi Ilm Sarf*. Mesir: Dar al-Ma'arif.



- Akram Diya al- Umari. 1995. *Madinan Soceity at the Time of the Prophet*, International Islamic Publishing House, Riyadh.
- Yusoff, A. A., Lim Abdullah, M. R. T., Al-Amin Endut, M. N., Aziz, E. A., & Talib, A. T. 2018. Indicators for Socio-Religious Harmony Index (SRHI) Instrument for Malaysia: Findings of FDM Expert Panel. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*.
- Azarudin Bin Awang dan Khadijah Mohd Hambali @ Khambali. 2012. Dialog Agama Vs Dialog Kehidupan: Membina Kefahaman Kehidupan Masyarakat Yang Berbeza Kepercayaan, *Jurnal Peradaban*. 5: 1-22.
- Azyati Azhani, W. Kamal, Azmi A. & Ermy A.. 2013. Aplikasi Konsep Wasatiyyah Dalam Pembentukan Piagam Madinah, *International Journal of West Asian Studies*. 5 (2): 1-15.
- Craig Considine. 2017. *The Other Al-Andalus — When Muslims and Christians Flourished Side by Side in Sicily*, laman sesawang Huffpost, [http://www.huffingtonpost.com/craig-considine/the-otherandalus\\_b\\_9730774.html](http://www.huffingtonpost.com/craig-considine/the-otherandalus_b_9730774.html). Dicapai pada 10 Disember 2019.
- Fahimeh Naseri. 2014. Islamic Tolerance and The West: Early Encounters and Influences, *International Journal Islamic Thoughts*, 5:10.
- Faisal Ahmad Shah. 2015. Kebebasan Beragama: Analisis Tahap Kefahaman Masyarakat Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, *Jurnal Pengajian Islam*, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bil. 8, Isu 1.
- Faiz Zainudin. 2018. *Pendekatan Rahmatan Lil 'Alamin damaikan Asri dengan Ramasamy, kata Mujahid*, laman sesawang Free Malaysia Today, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/10/11/pendekatan-rahmatan-lil-alamin-damaikan-asri-dengan-ramasamy-kata-mujahid-dicapai-5-disember-2019>.
- Free Malaysia Today. 2016. *Ramasamy apologises for calling Dr Zakir Naik 'satan'*, Laman sesawang Free Malaysia Today, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2016/04/12/ramasamy-apologises-for-calling-dr-zakir-naik-satan/>. Dicapai 5 Disember 2019.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail ibn Umar ibn Kathir. 1419H. *Tafsir al-Quran al-Azim* Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Israel Ben Zeev (Abu Zuaib). 1976. *Ka'ab al-Ahbar: Jews and Judaism in the Islamic Tradition*, t.p., Jerusalem.
- Jabatan Perpaduan Negara, 1987.
- Khadijah Mohd Hambali @ Khambali, Mohd dan Herzali Mohd Haled. 2008. Toleransi Beragama Dan Amalanya Di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, *Jurnal Usuluddin*. 27: 81-92.
- Kopanski, Ataulah Bogdan. 1993. "Islam in Italy And In Its Libyan Colony (720-1992)." *Islamic Studies*. 32 (2): 191-204.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. 1999. *Perlembagaan Persekutuan (Mengandungi semua pindaan hingga 1 Januari 1999)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Mahmood, A. R., Salleh, K. H., & Long, A. S. 2009. PENERIMAAN BUKAN ISLAM TERHADAP PROSES ISLAMISASI DI MALAYSIA (The Acceptance of Non-Muslim toward Islamization Process in Malaysia). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 1(2): 33-51.
- Md. Thowhidul Islam. 2018. Peaceful Coexistence of Various Religious Groups in Islam; Some Examples from The History of Muslim Societies, *Journal of Islamic Thought and Civilization*. 8(2): 183-203.
- Mohd Roslan Mohd Nor, Issa Khan, Mohammad Elius. 2018. Analysing the conceptual framework of religious freedom and interreligious relationship in Islam, *IJIMS: Indonesian Journal of Islam and Muslim Societies*. 8 (2): 309-334.
- Mohd Roslan bin Mohd Nor, Abd Fattah El-waisi 2010. Kesejahteraan Hubungan Antar Kaum Di Bayt Al-Maqdis Pada Zaman Umar Al-Khattab, *Jurnal Usuluddin*. 32: 51-72.
- Mohd Roslan Mohd Nor. 2011. *Sejarah Perkembangan Dan Kejatuhan Pemerintahan Islam Di Andalusia: Teladan Dan Sempadan*, In: Baldatun Tayyibah: Model Andalusia. Persatuan Ulama Malaysia, Shah Alam, Selangor.
- Mohd Syariefudin Abdullah, Mohd Mahadee Ismail & Mansor Mohd Noor. 2016. Kesepaduan Sosial Dan Kejiranan Di Kawasan Rukun Tetangga, *Jurnal Kinabalu*. no. 19.
- Muhammad Harfin Zuhdi. 2011. Visi Islam Rahmatan Lil 'Alamin: Dialektika Islam Dan Peradaban, *Akademika: Jurnal Pemikiran Islam*, 16: 149-70.
- Muhammad Nazmi Abd Halim, Jaffary Awang, Muhammad Helmy bin Abdul Gapar. 2016. Tahap Pengetahuan Rakyat Malaysia Terhadap Asas Agama-agama Dominan di Malaysia: Kajian Lapangan di Negeri Kedah dan Selangor, *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas (Konvokesyen ke-18 UMS)*.
- Nasharudin Mat Isa. 2016. Islam and Global Peace: Galvanising the Narratives of Islam with the Da'wah of Moderation, *International Seminar on Islam and Global Peace (ISGaP)*.
- Nor Ain Mohamed Radhi, Ahmad Suhael Adnan dan Zarul Fitri Muhd. 2018. *Tiada aduan khalwat, tiada serbuan –Mujahid*, laman sesawang Berita Harian, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/1>

- 0/483357/tiada-aduan-khalwat-tiada-serbuan-mujahid. dicapai pada 10 Disember 2019.
- Nur Azuki Yusuff. 2015. *Isu dan Permasalahan Hubungan antara Agama di Malaysia Kini dan Jalan Penyelesaiannya*, umkeprints.umk.edu.my dicapai pada 18 Oktober 2019.
- Nur Farhana Abdul Rahman dan Khadijah Mohd Khambali@Hambali. 2013. Religious Tolerance in Malaysia: Problems and Challenges, *International Journal of Islamic Thought*. 3: 81.
- Quraish Shihab, 2005. *Tafsir Al-Misbah*, Cet. ke-4, Jilid VIII, Jakarta: Lentera Hati.
- Ridauddin Daud. 2019. *Zakir Naik saman Ramasamy*, laman sesawang Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/52860/BERITA/Nasional/Zakir-Naik-saman-Ramasamy>. Dicapai pada 5 Disember 2019.
- Ruhaizah Abdul Ghani & Jaffary Awang. 2017. A Review on Writings on Religious Tolerance in Malaysia, *International Journal of Islamic Thought*. 12(12): 72-82.
- Sintang, S. 2014. Peaceful co-existence in religious diversity in Sabah, Malaysia. *Global Journal of Human Social Science-GJHSS-A*, 14(1).
- Sintang, S., Khambali@Hambali, K. M., Baharuddin, A., Senin, N., Shahrudin, S., Yon, W. A. W., & Nor, M. R. M. 2013. The Dialogue of Hikma: Generating Harmony in Muslim–Non-Muslim Relations. *Islam and Christian–Muslim Relations*, 24(2): 213-224.
- Sintang, S., & Baharuddin, A. 2012. Dialogue of life and its significance in inter-religious relation in Malaysia. *Dialogue*, 2.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Modul Hubungan Etnik*, edisi ke-2, Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2007. *Modul Hubungan Etnik*. (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara).
- Ummu Salamah Ali. 2017. Peradaban Islam Madinah (Refleksi terhadap Primordialisme Suku Auz dan Khazraj), *Kalimah: Jurnal Studi Agama-Agama dan Pemikiran Islam*. 15 (2): 191-204.
- Yusri Mohamad Ramli and Tengku Ghani Tengku Jusoh. 2012. “Najib Razak’s 1Malaysia and Charter of Medina’s One Ummah: Comparative Perspective”, *International Journal of Business and Social Sciences*. 3(2): 95-101.
- Zaharah Othman. 2019. Compassionate Islam for the world, laman sesawang New Straits Times, [https://www.nst.com.my/news/nation/2019/11/538441/compassionate-islamworld?fbclid=IwAR1jtXTMmI45Szl24XTujzxD9ccAfFwY8g9NUCMcGZ\\_2dm\\_HS6NHhnalt-siE](https://www.nst.com.my/news/nation/2019/11/538441/compassionate-islamworld?fbclid=IwAR1jtXTMmI45Szl24XTujzxD9ccAfFwY8g9NUCMcGZ_2dm_HS6NHhnalt-siE). Dicapai pada 22 November 2019,